



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 22 JUN 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	BELIA TIDAK MINAT BIDANG PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -1 & 3 KELUHAN PESAWAH, LOKAL, HM -21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	TAUKE HARUM MANIS 'SENYUM LEBAR', LOKAL, HM -25 BUMPER DURIAN HARVEST DRAWS IN THE CROWDS, NATION, THE STAR -3	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5. 6. 7. 8. 9.	PERMINTAAN LEMBU KORBAN MEROSOT, NEGERI, SH -25 HANYA 110 EKOR LEMBU TERJUAL, NEGERI, SH -25 TEMPAHAN LEMBU UNTUK KORBAN BERKURANGAN 20%, LOKAL, HM -19 '10 EKOR LESAP, KAMI HANYA DAPAT TAHI', NEGARA, KOSMO -14 TINDAKAN LEPAS TERNAKAN MUDAHKAN KERJA PENCURI, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
10. 11. 12.	HABITAT TIDAK DICEROBOH PUNCA TANGKAPAN SOTONG LUAR BIASA, NEGERI, SH -26 GAGAL SELUDUP 100 GUNI BENIH KERANG KE THAILAND GUNA BOT FIBER, NEGARA, KOSMO -16 1.5 TAN BENIH KERANG GAGAL DISELUDUP, DALAM NEGERI, UM -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	LARANGAN JUAL PADI KE LUAR PERAK BEBANKAN PESAWAH	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
14.	SAWAH BAPA SHUIB ANTARA TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -30	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
15. 16. 17. 18.	HANYA 172 KOPERASI TERLIBAT PENGELUARAN AGROMAKANAN, DALAM NEGERI, UM -7 KELANTAN PENGELUAR HASIL PERTANIAN BERMUTU, KELANTAN, HARAKAH -12 TASIK SURUT HASIL NELAYAN LUMAYAN, DALAM NEGERI, UM -33 JUAL MOTOSIKAL JADI MODAL BERNIAGA, NEGARA, KOSMO -17	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Belia tidak minat bidang pertanian

Oleh **AHMAD FADHLULLAH ADNAN**  
fadhlullah.adnan@mediamajalah.com.my

**PETALING JAYA:** Adakah golongan belia tidak berminat menceburi bidang pertanian?

Dalam tempoh tiga tahun, penglibatan anak muda menurun daripada 1,149 orang pada 2020 kepada 791 orang pada 2021 dan berkurangan kepada 704 pada 2022 sekaligus mengundang kebimbangan ketiadaan barisan pelapis serta masa depan keterjaminan makanan negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman berkata, hanya sebahagian kecil menunjukkan minat, itupun mewarisi pertanian diusahakan keluarga.

Katanya, sambutan dingin daripada golongan berkenaan dipengaruhi beberapa faktor seperti kekangan modal permodalan, bimbingan teknologi dan tunjuk ajar serta kurang promosi serta tiada pementauan berterusan.

**Bersambung di muka 3**



22/6/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

3

# Belia tidak minat bidang pertanian

## Dari muka 1

“Faktor tarikan yang tidak merangsangkan termasuk kerana birokrasi juga menyekat penerbitan golongan muda dalam bidang tersebut,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam jawapan bertulis di Parlimen menjelaskan, seramai 1,149 orang menerima Geran Agropreneur Muda dengan jumlah peruntukan RM21.73 juta pada 2020 tetapi menurun kepada 791 orang melibatkan peruntukan RM15.75 juta pada 2021 dan 704 orang menerima geran dengan jumlah peruntukan sebanyak RM14.04 juta pada 2022.

Namun, apa yang lebih membimbangkan adalah be-

lia yang menerima geran itu dalam tempoh lima tahun bagi tahun 2018 hingga 2022 hanya seramai 4,179 orang dengan nilai geran RM76.75 juta.

Mazlan berkata, jumlah 4,179 itu sepanjang tempoh itu masih terlalu jauh berbanding dengan jumlah belia yang mengganggu kerana kadar pengangguran bagi golongan berumur 15 hingga 30 tahun pada Januari 2023 seramai 450,200 orang.

Menurutnya, itu belum dikira lagi peratusan kejayaan dalam senarai penerima.

“Mungkin sekadar 50 peratus atau kurang. Angka tepat mungkin tiada kerana pemantauan yang kurang selepas menerima geran, dengan erti kata lain pangkalan data penerima tiada maklumat sebenar,” katanya.

Program Agropreneur Muda

diwujudkan bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda berumur 18 hingga 40 tahun dalam bidang keusahawanan agro berasaskan aktiviti di sepanjang rantaian nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, terma-kan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani.

Mengulas lanjut, Mazlan berkata, penglibatan golongan belia dalam industri agromakanan sebenarnya penting supaya sektor itu boleh mempunyai pelapis yang berpanjangan.

“Kalau tidak, warga asing akan mengisi tempat tersebut dan ini ancaman buruk kepada masa hadapan keterjaminan makanan negara,” ujamnya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan digesa menubuhkan segera Majlis Agropreneur Muda Ke-

bangsaan sebagai kumpulan sokongan kepada belia yang aktif dalam pertanian.

“Majlis ini perlu berperanan seperti Majlis Belia Malaysia yang ada organisasi dan dana sendiri sebagai kumpulan sokongan yang bebas dan dekat dengan belia yang aktif dalam pertanian,” jelasnya.

Sementara itu, Felo Laboratori Kajian Polisi Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad berkata, program tersebut merupakan satu usaha yang baik, tetapi geran sahaja tidak mencukupi.

Beliau berkata, ini kerana apa yang penting adalah ilmu dan kemahiran teknologi yang bersesuaian dalam perniagaan yang hendak diusahakan itu.



# Keluhan pesawah....



KOLAM Bukit Merah yang mula mengering akibat kemarau. - Gambar NSTP/SHAFUL SHAHRIN

## Penyusutan paras air beri kesan kepada tanaman padi

Oleh Shaiful Shahrin  
Ahmad Pauzi  
am@hmetro.com.my

### Bagan Serai

Penyusutan paras air di Kolam Bukit Merah memberi kesan kepada tanaman sawah padi di sini.

Pesawah, Mohd Rahimi Rami, 42, berkata di Bagan Serai anak padi baru berusia sekitar sebulan dan memerlukan kadar air yang banyak untuk proses tumbesaran. Menurutnya, kekurangan air ke sawah padi menyey-

babkan banyak masalah berlaku dan turut berdepan risiko serangan penyakit dan wabak.

"Kebiasaannya apabila anak padi berusia dua minggu ke atas memerlukan kuantiti air yang tinggi untuk proses meracun dan pembajaan." "Di sini sawah padi baru berusia 30 ke 40 hari dan air mula kering.

"Jadi bagaimana padi nak berterusan, anak padi kami

besar jika kami nak tabur baja pun tak boleh? Itu belum kerja meracun lagi?" katanya ketika ditemui di Parit Ait Itam 3, di sini, semalam.

Menurutnya, yang mengusahakan lebih 20 ekar sawah padi kini terpaksa mengeluarkan kos tinggi membeli minyak bagi kerja menggapam air ke sawah.

"Air yang ada pun tidak memadai dan jika ini berterusan, anak padi kami

pasti terbantut dan mungkin berisiko dengan serangan penyakit dan wabak seperti yang berlaku di beberapa tempat di daerah Kertian.

"Kita amat berharap kerajaan negeri peka dengan masalah ini dan dapat mempercepatkan proses pembinaan *water transfer* dari Sungai Perak ke Kolam Bukit Merah yang kini mula mengering," katanya.

Tinjauan Harian Metro mendapati paras takungan air di Kolam Bukit Merah kini mula menyusut akibat kemarau.

**“Di sini sawah padi baru berusia 30 ke 40 hari dan air mula kering”**  
Mohd Rahimi



Nur Muzalan menunjukkan buah harum manis, satu jenis buah yang unik, di kebun.

FAKTOR CUACA HASILKAN BANYAK BUAH

# TAUKE HARUM MANIS 'SENYUM LEBAR'

Oleh Swaherah Mustafah  
am@metro.com.my

Paikif Mals

Cuaca panas berpanjangan di Kelantan memberi rezeki buat seorang pengusaha tauke harum manis. Beliau mangga komersial bercairan berbuah dengan banyak tahun ini. Nur Muzalan, 55, adalah seorang petani yang memelihara tauke harum manis secara serasi di negeri ini sejak 2016 dan akhirnya mampu memberikan pendapatan lumayan.

Kini, asuhan cuaca yang baik sepanjang tahun ini, pokok ni-lanya mampu menghasilkan sebanyak 50 biji mangga bagi satu seluar saiz yang agak besar.

"Selakat ini, saya mempunyai hampir 70 pokok harum manis di kebun. Hasil untuk tahun ini mula dipetik pada pertengahan Jun dan dipungka habib penghubung laluan. Untuk memetik, mangga yang sudah masak adalah secara berperingkat yang mana saya akan bag kerana apabila buah diletak se-akan dianda dengan terak panjang masak bagi membolehkan sa-nya untuk proses memetik nanti."

Sebelum ini, mangga harum manis, 57 hari untuk matang dan sesaat dipetik jika cuaca panas berpanjangan, katanya ketika ditemui di ladang harum manis miliknya di

paikif, menghasilkan harum manis untuk abah serantau seranga.

bukitan bahawa harum manis itu kan, saja sesuai di petik, tetapi boleh dihasilkan di negeri lain. Beliau memang kepada cuaca dan iklim yang sesuai untuk menghasilkan buah berkualiti.

"Seterus beberapa tahun saya mengusahakan mangga komersial ini, saya dapat pelajaran individu yang sangat berharga. Mula-mula, saya dan membibi anak pokok de-rikan saya untuk disalakan zae-nya. Alhamdulillah, saya rume-nya juga menjadi salah satu me-nterbangkan lagi penanaman harum manis di Kelantan."

Seperti itu, saya juga pernah menjual buah pokok pada barga bermula RM15 sehingga RM50. Yang mana dibayar pokok tur ditambah pada dalam yang sudah berbuah, anak pokok biji (tanaman harum manis) dan anak pokok cantuman mata terus, katanya.

manis' berkenaan buruk atau rosak. Selain itu, tidak sebarang caj pengangkutan dalam dan luar Kelantan. Nur Muzalan' berkata, usahanya itu mem-

**"Harum manis mengemili masa selama 57 hari untuk matang"**  
Nor Muzalan

Menurutnya, ramai antara petani adalah pelagang tercap yang mula-jahinya dengan bu-nya, sejak mula memper-nya pada 2016. Beliau berkata, beliau di-nya pada sautara masa dan khalid terkecik namun ia nilai dicitraan lebih ramai. Beliau berkata, beliau telah pelagang itu adalah dari jati. "Alhamdulillah, rata-rata pe-nya buah yang berpanas hati dengan buah yang abah, menambah pula saya gerti buah baru. Jua harum

isi harum sudah matang



# Bumper durian harvest draws in the crowds

By NELSON BENJAMIN  
nelson@thestar.com.my

**TANGKAK:** The bountiful harvest of durians this season is attracting many Singaporeans, with many hiring buses to head to popular durian orchards here and in Jementani.

The one-day durian tours are so popular that up to 100 buses enter the state, especially on weekends, travelling up to three hours to these orchards.

Malaysian Tourist Guides Council president Jimmy Leong said besides enjoying Musang King, Blackthorn or durian kampung in the farms, some visitors also head to the factories to see how the fruits are processed to be exported as frozen durian.

The usual tours start as early as 7am, and the people will return home by about 10pm.


"Each tour is about S\$140 (RM462) and this covers transportation, tour guide fees and a durian buffet," he said, adding that these tours were popular among all age groups in Singapore.

He said that the month-long school holidays until the end of the month are also a boon for the tours.

He hoped that the Immigration Department, especially at the Second Link, would be able to handle the increased number of arrivals to avoid people having to wait too long.

"We've had issues with some people taking up to three hours to clear immigration. For the next few weeks, the checkpoints will be busy and I hope they have ample manpower to man all the counters," he said, adding that Menteri Besar Daruk Orm Hafiz Ghazi's frequent visits to the two land checkpoints were a good sign that the government was serious about tackling the longstanding congestion issues.

Leong added that tourism was



**Fruitful venture:** Visitors including Singaporeans, who come by the bus loads, taking a tour around a durian orchard in Gelang Patah, Johor.

booming in the state, especially with more Singaporeans entering the state for sightseeing, leisure and shopping.

"Among the popular places are Johor Baru, Kluang, and Batu Pahat," he said in an interview, where he expressed hope that the Menteri Besar would continue to champion "speedy clearance" issues at the checkpoints.

Leong said that during the recent Wesak Day (June 2) in the republic, some 285,000 people entered Malaysia.

"If Singaporeans spent a minimum of S\$100 (RM330) per person for food, leisure and shopping, this would be a huge boost

to the Johor economy. I am sure if border issues are resolved, more people will enter the state," he added.

Meanwhile, Chia Chee Long, 28, who has several durian orchards statewide, said he received many Singaporean customers, especially during weekends, to his orchard in Gelang Patah.

"We have three kinds of packages, and the premium ones come with Musang King," he said, adding that his family has been in this business for the past 20 years.

He added that each year sees about three seasons - May, July and August.

"We also allow people to go

around our orchards picking durians," he said, adding that many of the buses that come to his place first bring passengers for sightseeing before the durian buffet.

Meanwhile, Vincent Poh, 40, who has a durian factory in Muar, said that he opens up his friends for tours whenever his friends request it.

"People enjoy eating the fruits in the orchards and come to see how we process them to be exported," he said.

Poh added that the Musang King season started last month with prices between RM35 and RM60 per kg.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	25

# Permintaan lembu korban merosot

Rata-rata penternak mengakui tempahan lembu korban tahun ini kurang sambutan

Oleh FARHANA YAACOB MELAKA



MOHD NOR MOHD FARHAN



Mustafa melihat lembu-lembu yang telah ditempah untuk ibadah korban di kandang lembunya di Batang Tiga, Melaka pada Selasa.

Penternak di negeri ini mengakui tempahan lembu korban pada tahun ini berkurangan berbanding tahun sebelumnya disebabkan beberapa faktor selain kenaikan harga lembu lebih 20 peratus.

Mohd Nor Ismail, 54, berkata, kenaikan harga lembu itu disebabkan kos bahan makan yang meningkat dan kekurangan pekerja ladang, selain rakyat dihimpit kos sara hidup tinggi.

Menurutnya, purata harga satu bahagian lembu korban pada tahun ini sekitar RM750 hingga RM850, berbanding sebelum ini antara RM500 hingga RM550.

Malah katanya, sebelum pandemik Covid-19 harga lembu seberat 170 kilogram (kg) hingga 200kg dianggarkan RM4,000 seekor, namun kini harga mencecah hingga RM5,000 bagi berat yang sama.

"Begitu juga jika lembu 250kg hingga 280kg, harganya boleh cecah RM5,800 seekor. Disebabkan harganya meningkat,

maka permintaan lembu korban tahun ini agak kurang.

"Jadi, penternak terpaksa naikkan sedikit harga lebih-lebih lagi kawasan rumput terhad dan pekerja kurang menyebabkan 70 peratus bayaran untuk kos operasi sahaja," katanya yang menceburi bidang penternakan lembu dan kambing sejak tahun 2005.

Justeru, dia berharap kerajaan dapat mengubah dasar untuk membantu penternak terus bernafas.

Penternak lembu di Kampung Batang Tiga, Mustafa Mahmud, 62, memberitahu, tahun ini hanya lapan ekor lembu korban miliknya dijual untuk korban berbanding sebelum ini 10 ekor lembu.

Keadaan ekonomi semasa menyebabkan tidak ramai masyarakat berkemampuan melaksanakan ibadah korban.

Meskipun berdepan dengan kenaikan tersebut, namun dia berusaha menjual dengan harga berpatutan.

"Misalnya, kita beli seekor lembu dengan harga RM4,500 seekor, dalam tempoh tiga bulan kita perlu pastikan berat badan lembu itu menepati syarat untuk dikorbankan dan boleh dijual.

"Dalam tempoh itu kita perlu beri lembu-lembu ini makan banyak, secara tidak langsung kos itu meningkat, namun kita tak boleh naikkan harga terlalu tinggi," katanya yang lebih tiga dekad terlibat dalam bidang penternakan lembu.

Sementara itu, penternak lembu di Permatang Pasir Permai Alai, Mohd Farhan Saharudin, 25, juga mengakui per-

mintaan lembu korban pada tahun ini merosot.

Katanya, bukan semua orang berkemampuan menyertai program korban kerana ada kalangan masyarakat mengikat perut untuk survival dengan kehidupan.

"Jika tidak, ramai yang datang ke ladang untuk menempah lembu korban.

"Tapi setakat ini yang datang menempah lembu korban terdiri daripada pihak masjid atau organisasi besar sahaja, individu memang tak ada seperti tahun-tahun sebelum ini," katanya.

## Hanya 110 ekor lembu terjual

**KUBANG PASU** - Tempahan lembu bagi ibadah korban pada tahun ini menurun kira-kira 20 peratus berbanding tahun lepas.

Pengarah Urusan Fatimah MZ Agro Farm Sdn Bhd, Zainol Abidin Mohamad berkata, pihaknya menyediakan 300 ekor lembu bagi menampung permintaan pelanggan pada tahun ini.

Bagaimanapun katanya, setakat ini dia hanya menerima tempahan kira-kira 110 ekor sahaja.

"Berbanding tahun lepas kita berjaya jual hampir 200 ekor lembu, mungkin situasi ini disebabkan oleh ekonomi rakyat yang agak lemah ketika ini," katanya ketika ditemui di ladang ternakannya di Jalan Sintok

di sini pada Rabu.

Menurutnya, walaupun harga dedak mengalami peningkatan setiap bulan, namun mereka masih mengekalkan harga lembu antara RM5,400 sehingga RM6,000 seekor mengikut saiz.

"Kalau kita nak kurangkan lagi harga lembu, agak sukar sebab kita terpaksa tanggung kos makanan lembu yang agak tinggi," katanya menambah pihak ladang masih membuka tempahan lembu korban sehingga 28 Jun ini.

Ujar Zainol Abidin, pihaknya juga menyediakan servis penyembelihan kepada pelanggan bagi memudahkan urusan ibadah korban mereka.



Zainol Abidin memberi makanan lembu peliharaannya di ladang ternakannya di Jalan Sintok pada Rabu.



# Tempahan lembu untuk korban berkurangan 20%



**“Tahun lalu, kita berjaya jual hampir 200 lembu Zainol Abidin”**

tempahan untuk 110 lembu.

“Berbanding tahun lalu kita berjaya jual hampir 200 lembu, mungkin situasi itu disebabkan oleh ekonomi rakyat yang agak lemah ketika ini.

“Selalunya pada tempoh ini menjelang minggu sebelum Aidiladha, tempah sudah banyak tetapi tahun ini agak berkurangan,” katanya ketika ditemui di ladang ternakannya di Jalan Sintok, di sini, semalam.

Zainol Abidin berkata, pihaknya masih mengekalkan harga lembu antara RM5,400 hingga RM6,000 se-

ekor mengikut saiz walaupun harga dedak mengalami peningkatan harga setiap bulan.

“Kalau kita nak kurangkan lagi harga lembu agak berat sebab kita terpaksa tanggung kos maknanya yang agak tinggi.

“Melainkan jika harga tidak dikurangkan, insya-Allah kita boleh tawarkan harga lembu yang lebih rendah” katanya.

ZAINOL ABIDIN memberi lembu ternakan untuk dijadikan lembu korban makanan ketika ditemui di ladangnya di Changlun. - Gambar NSTP/SYAHARIM ABIDIN

**Jitra:** Kelembapan ekonomi yang melanda negara ketika ini menyebabkan tempahan lembu bagi ibadah korban berkurangan sehingga 20 peratus berbanding tahun lalu. Pengarah Urusan Fati-nampung permintaan pelanggan pada tahun ini bagaimanapun sehingga kini, pihaknya hanya menerima



## Mahu jual semua lembu lepas kecurian menjadi-jadi '10 ekor lesap, kami hanya dapat tahu'

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, LUQMAN RIDHWAN + MOHD. NOR dan ASLIZA WUSA**

**BENTONG** — "Kami dapat tahu tetapi mereka dapat kemewahan," bentak seorang penternak lembu yang kecewa apabila kes kecurian lembu semakin menjadidi-jadi dekat daerah ini.

Rahman Kassim, 60, yang terlibat dalam penternakan lembu sejak 20 tahun lalu berkata, kes kecurian lembu menyebabkan dia kerugian sekali gus membuatkanya mempertimbangkan untuk menjual semua lembu.

"Tahun ini sahaja sudah 10 ekor lembu saya hilang dengan purata sekor sebulan, saya terpaksa tanggung rugi kerana kos penjagaan dan makanan lembu ini juga tinggi yang mana lembu

saya diletrakkan di kandang pada waktu malam.

"Akibat kecurian, sasaran untuk menjual 30 ekor lembu kor-

ban tahun ini tidak kesempulan yang mana saya hanya mampu jual 10 ekor lembu korban selepas ambil kira pelbagai faktor,"

katanya yang mempunyai kira-kira 200 ekor lembu yang ditenak di ladang sawit Sertik, dekat sini.

Katanya, kecurian yang berlaku tahun ini melibatkan enam ekor lembu jantan yang sesuai untuk korban dan empat lembu betina baka brahman yang besar.

Katanya, kecurian berlaku secara berperingkat bermula Januari lalu dengan sekurang-kurangnya dua ekor seekor hilang dipercayai dilakukan oleh kumpulan pencuri pada waktu siang.

"Akibat kehilangan lembu itu,

tiga ekor anak lembu saya sedikit terencat kerana tidak mendapat penyusuan yang baik.

"Pada Mei dan Jun ini tiada lembu saya yang hilang kerana kerap buat pemantauan, namun rakan-rakan penternak lain terus menjadi mangsa kecurian termasuk seekor lembu rakan saya hilang baru-baru ini," katanya.

Seorang lagi penternak, Halim Ahmad, 57, berkata, kes kecurian lembu yang semakin kerap telah lama berlaku semenjak 2010 menyebabkan penternak berasa gusar dan sering berhadapan kerugian.

Dia memberitahu, kejadian kecurian ini berlaku hampir di semua kawasan ladang yang mempunyai penternakan lembu seperti di Sertik, Mempaga, Lakur dan Lebu, dekat sini.



**TINDAKAN penternak melepaskan haiwan peliharaan tanpa pemantauan membuka peluang pencuri.** - GAMBAR/HASAN

## Tindakan lepas ternakan mudahkan kerja pencuri

**BATU GAJAH** — Tindakan penternak yang melepaskan lembu-lembu dari kawasan ladang berpagar sehingga enam jam da penjenayah untuk mencuri haiwan ternakan itu.

Menurut seorang penternak, Mohd. Zain Zaimal Abidin, 47, rata-rata penternak di daerah ini akan melepaskan lembu peliharaan masing-masing dari kawasan ladang yang berpagar untuk meragut di tempat lain kira-kira pukul 12 tengah hari.

"Biasanya ternakan ini dilepaskan sehingga tiga atau empat kilometer jauhnya dari kawasan ladang berpagar dan akan menghambarkannya pulang kembali sekitar pukul 6 petang.

"Dalam tempoh waktu berkenaan, pelbagai perkara boleh berlaku melibatkan haiwan ternakan masing-masing termasuklah ia dicuri," katanya kepada Kosmo Semalini.

Katanya, sudah menjadi kebiasaan sekiranya terdapat beberapa ekor lembu berkenaan gagal dikesan sewaktu dihambatkan pada waktu petang.

"Penternak biasanya akan

mencari sehingga lewat malam haiwan berkenaan yang ada kalanya berada tidak jauh dari kawasan ragut seperti di kawasan taman atau kampung berdekatan.

"Ada juga lembu-lembu berkenaan yang pulang lebih awal ke kandang masing-masing. Disebabkan itu ada dalam kalangan penternak tidak berasa risau sekiranya haiwan itu gagal dikesan pada waktu petang," katanya.

Seorang lagi penternak, K. Murugan, 36, berkata, mereka biasanya akan menunggu lembu-lembu yang hilang sehingga tiga atau empat hari sebelum melaporkan kehilangan berkenaan kepada pihak berkuasa.

Ini kerana, katanya, haiwan ternakan tersebut biasanya akan pulang dalam tempoh waktu berkenaan sekiranya ia gagal ditemui pada hari ia dilepaskan dari kandang.

Jelasnya, ia juga sukar bagi penternak untuk mengesan ternakan ketika dihambatkan kerana ada dalam kalangan mereka membela antara 20 hingga 100 ekor haiwan.



**SEBAHAGIAN daripada haiwan ternakan di Sertik, Karak dekat Bentong yang menjadi sasaran pencuri lebih-lebih lagi menjelang musim perayaan.**





**GUWI** berisi benih kerang yang cuba diseludup ke Thailand menerusi peraliran Kuala Kedah-Kedah kelmarin.

## Gagal seludup 100 guni benih kerang ke Thailand guna bot fiber

**ALOR SETAR** – Cubaan seorang lelaki tempatan untuk menyeludup 100 guni benih kerang menggunakan bot ke Thailand gagal apabila ditahan penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM) di perairan Kuala Kedah, di sini kelmarin.

Bot fiber tanpa nombor pendaftaran dikendalikan suspek di- tangkapan itu hasil rondaan rutin Op Aman yang dilakukan APMM pada jarak kira-kira 0.5 batu nautika timur pesisir Pa-

dang Keria, Sanglang pada pukul 4.14 petang.

Pengarah Maritim Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, bot fiber itu didapati dalam keadaan mencurigakan sebelum suspek cuba memecut selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa.

“Bot tersebut berjaya dirahan dan hasil pemeriksaan menemui 100 guni dipenuhi benih kerang seberat 1.5 tan bernilai RM10,000

yang disembunikan di dalam ruang simpanan tangkapan hasil laut.

“Suspek dipercayai dalam perjalanan menuju ke sempadan negara untuk cubaan menyeludup benih kerang ke Thailand,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, bot, enjin dan benih kerang yang dianggarkan bernilai RM80,000 ditahan dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk tindakan lanjut.



# Hanya 172 koperasi terlibat pengeluaran agromakanan

**TEMERLOH:** Hanya 172 daripada 16,315 koperasi di seluruh negara terlibat dengan aktiviti pengeluaran agromakanan walaupun sektor tersebut menduduki permintaan tinggi dalam kalangan rakyat negara ini.

Menyentuh mengenai data statistik, Menteri Pertanian, Perikanan dan Ketahanan Makanan, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdulillah berkata, bagaimanapun jumlah itu terdapat kecil bagi membantu kerajaan meningkatkan kadar pengeluaran agromakanan.

Tegasnya, gerakan koperasi perlu mempromosikan aktiviti pertanian seperti pengeluaran kepada satu produk demi meningkatkan peluang lebih tinggi.

Menyerikan secara langsung, Abdul Fattah berkata, peningkatan pengeluaran agromakanan secara berkala adalah satu agromakanan berpotensi dieropa kerana sebahagian bahan yang diimport dari luar negara di Malaysia.



**ABDUL FATTAH (tengah) menyantuni seorang ahli Koperasi Guru Melayu Selatan Berhad (Syguamas) selepas meraikan mesyuarat agong ke-70 koperasi itu di Temerloh, Pahang. — UTUSAN/SALEHUDDIN MAT RASAD**

# 1.5 tan benih kerang gagal diseludup

**ALOR SETAR:** Agensi Pengkuat-  
 an Tindakan Pesisir Laut, Timbalan Ketua Pengarah, Zon Maritim Kuala Kedah, menggunakan cubaan menyeludup 1.5 tan benih kerang menggunakan bot gempun kaca di kedulokan 0.5 tan maubka timur-pesisir Padang Jerai, Sangang, 4.16 petang semalam.

Kuala Kedah, Komander Maritim Nona Azreyanti Isahak berkata, tangkapan ke atas seorang lelaki warga Thailand bersempena bot itu membawa lebih dari 100 tan benih kerang. Beliau berkata, bot itu sedang dipandu oleh seorang lelaki Thailand. Katanya, dalam kenyataannya, bot berkenaan terdapat lebih dikesan bergolak dalam keadaan menentang arus menuju ke Thailand sebelum mereka mencuri apabila menyedari kehadiran pihak keselamatan.

"Melihat keadaan itu, pihak kami mengagur dari bertanya mengenai bot tersebut. Permenkasan



**GUINI berkil benih kerang yang dirampas dalam cubaan menyeludup botikan itu ke Thailand sebelum digagalkan Maritim Malaysia di Padang Jerai, Sanglang.**

dijalankan merampas bot itu membawa lebih dari 100 tan benih kerang. Beliau berkata, bot itu sedang dipandu oleh seorang lelaki Thailand. Katanya, dalam kenyataannya, bot berkenaan terdapat lebih dikesan bergolak dalam keadaan menentang arus menuju ke Thailand sebelum mereka mencuri apabila menyedari kehadiran pihak keselamatan.

"Melihat keadaan itu, pihak kami mengagur dari bertanya mengenai bot tersebut. Permenkasan



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

# Larangan jual padi ke luar Perak bebankan pesawah

**Arahan tidak wajar, kluatir berlaku lambakan hasil**

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi  
bhnews@bh.com.my

**Bagan Serai:** Larangan padi di Perak dijual ke negeri luar, dijangka memberikan kesan buruk kepada pesawah dan pembeli.

Pengusaha sawah padi dari Kuala Kurau, Zulfee Rosli, 36, berkata perkara itu akan menyebabkan banyak masalah berbangkit sekiranya berlaku longgokan padi.

Menurutnya, pihak pembeli terutama swasta akan membeli padi pada harga murah selain berdepan dengan kadar potongan yang tinggi.

"Arahan yang dikeluarkan pihak berkaitan sememangnya membebankan pesawah kerana padi tidak dapat dijual ke luar negeri ini.

"Ini kerana pihak pembeli terutama syarikat swasta sudah pasti memberi pelbagai alasan seperti membeli padi pada harga murah.

"Bukan itu sahaja, kilang juga akan mencari alasan lain seperti pemotongan tinggi sekiranya berlaku masalah lambakan padi di negeri ini," katanya ditemui media.

Seorang lagi pesawah, Syaril Ahmad, 40, berkata masalah seperti ini sering terjadi ketika tiba musim menuai padi.

"Setiap kali tiba musim menuai padi, pasti ada masalah. Masalahnya sama sahaja.

"Pesawah mahukan urusan jualan padi lancar tanpa sebarang masalah dan berharap satu situasi menang-menang dicapai di antara pesawah dan pihak kementerian.

"Pesawah bukan golongan senang, ada di antara kami yang berhutang dengan pengilang dan apabila arahan sebegini dikeluarkan kami tiada pilihan lain, terpaksa juga jual padi pada harga yang tak masuk akal selain berdepan potongan tinggi," katanya.

## Pesawah terkesan

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Perak, Datuk Sham Mat Sahat, berkata pihaknya akan berjumpa dengan pihak kementerian dalam masa terdekat.

Katanya, tidak wajar arahan itu dikeluarkan memandangkan Perak adalah salah satu negeri jelapang padi di Malaysia.

"Apabila kementerian keluar arahan itu (padi Perak tidak boleh dijual ke negeri lain) yang terkesan adalah pesawah sendiri.

"Sudah pasti masalah lambakan dan pemotongan tinggi akan berlaku pada peringkat pembeli dan pesawah yang menanggung kesannya.

"Insya Allah dalam masa terdekat kita akan turun dan membuat perbincangan dengan pihak kementerian agar arahan itu ditarik semula," katanya.

Sudah pasti masalah lambakan dan pemotongan tinggi akan berlaku pada peringkat pembeli dan pesawah yang menanggung kesannya

Sham Mat Sahat, Pengerusi Pertubuhan Peladang Perak



Pesawah di Perak harap situasi menang-menang dicapai dalam isu larangan jual padi ke negeri lain.



22/6/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

30

Masalah kekurangan air akibat panas jadi punca

# Sawah bapa Shuib antara terjejas

Oleh WAT KAMAL ABAS  
utusannews@mediania.com.my

**BAGAN SERAI:** Sawah yang diusahakan bapa kepada pelawak dan penyanyi radio, Shuib di Parit Haji Ali 1, Alor Pongsu dekat sini, antara yang terjejas dengan masalah kekurangan air berikutan cuaca panas.

Secara keseluruhan, masalah itu melibatkan kawasan seluas kira-kira 24 hektar (60 ekar) sawah bagaimana pun berjaya dilatasi hasil tindakan pantas tiga agensi daerah Kerian ini iaitu Jabatan Pembinaan Pertanian Bersepadu (JADA) dan Pejabat Pertanian Daerah Kerian menghantar pam air bergerak.

Pam air bergerak itu dipasang berhampiran pintu air di kampung itu untuk menggerakkan air dari parit berdekatan dan dialirkan ke sawah yang terjejas.

Bapa Shuib, Muhammad Ar-

shad, 65, berkata, sawahnya dan beberapa pesawah lain, seluasnya 24 hektar, mengalami kekurangan air sehingga ada tanah sawah yang kering dan meretakan berikutan kekurangan air lebih dua minggu lalu.

Menurutnya, ia berlaku disebabkan penyusutan air di Empangan Tasik Kolang Bukit Merah yang pada ketika itu berada pada paras kritikal pengaliran tahap pertama.

"Anak padi rata-rata pada ketika ini baru berusia sekitar 35 hingga 40 hari dan amat memerlukan air yang banyak untuk pertumbuhan dan tumbesaran.

"Sekiranya tanah sawah ini kering dalam tempoh yang lama, ia akan membantutkan tumbesa-

ran padi.

"Jika keadaan kering berterusan, ini turut mengurangkan pelbagai jenis penebat padi yang boleh menjejaskan hasil pengeluaran. Namun, masalah ini selesai de-

ngan tindakan pantas tiga agensi yang membawa pam bergerak untuk menyalurkan air ke petak sawah dari parit berdekatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Seorang pesawah, Mohd. Zaini Saarani, 65, berkata, kawasan tanaman padi terlibat mengalami keadaan air lebih daripada tiga minggu hingga menyebabkan pesawah tidak dapat menabur baja mengikut jadual.

Menurutnya, namun kini mereka boleh menarik nafas lega kerana masalah itu mendapat perhatian daripada pelbagai agensi berkaitan.

Seorang lagi pesawah, Mohd Fauzi Mokhtar, 60, berkata, dia bersyukur kerana masalah yang dihadapi pesawah berjaya disele-

saikan tiga agensi yang terlibat. Katanya, jika tindakan lambat diambil, kerugian besar anak padi akan mati dan menjejaskan hasil pendapatan dan pengeluaran padi musim ini.



MUHAMMAD Ar-shad (kanan) dan pesawah mengisi minyak pada pam bergerak yang menggerakkan air dari parit berdekatan ke sawah mereka di Parit Haji Ali 1, Alor Pongsu dekat Bagan Serai. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS



# Kelantan pengeluar hasil pertanian bermutu

**KOTA BHARU:** Komitmen kerajaan Kelantan untuk memperkasakan sektor pertanian berbanding bidang lain, kini mulai menampak hasil dengan pengeluaran hasil perta-

nian yang bermutu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Kelantan berpotensi untuk menarik pelabur antarabangsa khususnya dalam sektor pertanian dan keselamatan makanan.

Katanya beliau pernah menggerakkan usaha pelaburan dari Qatar yang terkemuka dalam sektor tersebut.

“Teknologi dan keselamatan makanan sangat berjaya di Qatar, ia sepatutnya turut dikembangkan di Kelantan,” kata-

nya ketika menyampaikan Amanat Khas Perdana Menteri kepada penjawat awam di Dewan Besar Kompleks Balai Islam Lundang di sini pada Ahad.

Hadir sama Menteri Besar, Ustaz Dato’ Bentara Kanan Ahmad Yakob, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Nazran Muhammad dan timbalannya, Dato’ Tuan Zainal Abidin Tuan Yusuf.

Anwar juga berkata, aspek pelaburan di Malaysia perlu diubah bagi mempercepatkan tempoh

menunggu iaitu selama enam bulan berbanding Singapura hanya dua minggu.

Menurutnya usaha itu perlu dilakukan kerana peningkatan pelaburandi Malaysia akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

“Kadang-kadang kena ada insentif yang ditawarkan itu sangat baik, tetapi ada frasa yang disebut dengan kecepatan kelulusan bagi membolehkan pelabur datang,” katanya.



Perdana Menteri dan Menteri Besar Kelantan bersama penjawat negeri dan Persekutuan.



## Habitat tidak diceroboh punca tangkapan sotong luar biasa



Antara sotong yang dijual pada harga rendah di Kampung Durian Burung, Kuala Terengganu.

**KUALA TERENGGANU** - Habitat yang masih terpelihara dan tidak diceroboh antara sebab peningkatan tangkapan sotong yang disifatkan sebagai luar biasa di daerah Kemaman dan Dungun.

Pensyarah Kanan Bidang Teknologi, Alatan Perikanan dan Ekologi Perikanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fazrul Hisam Abd Aziz berkata, kawasan perairan di dua daerah itu memiliki banyak kawasan berbatu yang selamat dari pada ancaman pukut tunda.

Menurutnya, selain kawasan perairan yang tidak diceroboh, sumber makanan yang banyak menyebabkan sotong-sotong lebih tertumpu untuk terus membiak di kawasan itu.

"Kawasan berbatu secara tidak langsung mewujudkan eko-

sistem dasar laut yang sihat serta menjadi daya tarikan untuk menjadi 'lubuk' pembiakan sotong.

"Ekosistem dasar laut yang sihat dengan terumbu karang yang banyak boleh melindungi telur yang dihasilkan spesies haiwan marin itu. Ia secara tidak langsung menjadi lokasi tumpuan hidupan itu untuk membiak," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Beliau memberitahu, perairan Marang, Kuala Terengganu dan Setiu sebelum ini menjadi lokasi tumpuan untuk aktiviti mencandat sotong dan dipercayai sedikit sebanyak mempengaruhi populasi hidupan itu.

"Faktor-faktor yang disebutkan itu dipercayai antara sebab mendorong kepada peningkatan

tangkapan namun ia memerlukan sokongan kajian lebih terperinci dari segi saintifik.

"Dapatan kajian yang lengkap seperti kawasan pembiakan, kualiti air, kepadatan plankton, habitatnya, waktu puncak kehadiran sotong boleh dilakukan sekiranya perlu bagi membuktikan kebenaran faktor yang telah dinyatakan itu," katanya.

Sebelum ini, tular di media sosial tangkapan sotong yang banyak di Dungun dan Kemaman.

Situasi itu dilihat agak luar biasa berbanding tangkapan sumbu-bermakanan yang sama di daerah lain.

Secara tidak langsung, ia memberi limpahan rezeki kepada pengusaha bot kerana ramai yang berminat menyewa bot mereka untuk aktiviti mencandat sotong.



22/6/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

38

# Tasik surut hasil nelayan lumayan

Oleh WAT KAMAL ABAS  
urubahnnews@mediamula.com.my

**BAGAN SERAI:** Penyusutan paras air di Empangan Kolang Tasik Bukit Merah di sini tidak menjelaskan hasil tangkapan ikan bagi nelayan darat yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di kolam ini.

Tinjauan mendapati aktiviti tangkapan ikan oleh nelayan darat di tasik ini dilakukan seperti biasa.

Difahamkan terdapat lebih kurang 30 nelayan darat beroperasi di situ.

Seorang nelayan darat, Abdul Rahim Che Meh, 60, berkata, meskipun demikian pergerakan bot untuk keluar ke kawasan tangkapan agak sukar.

Menurutnya, ini kerana biasanya apabila paras air normal pergerakan bot hanya mengambil masa lima minit sahaja untuk sampai ke kawasan lubang ikan.

"Namun apabila berlakunya

penyusutan air, pergerakan bot untuk keluar mengambil masa sekitar 45 minit.

"Ini kerana bot terpaksa mengelak akar serta tunggul pokok yang ada di dalam tasik empangan ini," katanya ketika ditemui pemberita di Jeti Nelayan Darat di Kampung Tebuk Panchur di sini semalam.

Menurutnya, pendaratan ikan dari jeti itu tidak berkurangan walaupun air kolam tasik itu susut.

Katanya, sebaliknya hasil tangkapan ikan bertambah kerana ikan akan terkumpul pada kawasan yang ada air sahaja dan ini memudahkan nelayan menebarkan jala.

"Antara ikan yang didaratkan di kolam ini ialah seperti baung, tilapia, lampam dan toman," katanya.

Katanya, dia memperoleh RM2,000 sebulan hasil pendapatan dari menangkap ikan di kolam itu.



ABDUL RAHIM CHE MEH MENUNJUKKAN HASIL TANGKAPAN DI EMPANGAN KOLAM TASIK BUKIT MERAH YANG SURUT DI BAGAN SERAI. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS



Pengorbanan pemuda ceburi bidang ternak ikan air tawar berbaloi

# Jual motosikal jadi modal berniaga

Oleh ROSALWANI CHE SOH

**KOTA BHARU** - Seorang pemuda berkorban menjual motosikal jenis Yamaha 125ZR miliknya pada harga RM5,000 untuk dijadikan modal permulaan bagi mengusahakan ternakan ikan air tawar di Kedai Mulong di sini.

Mohamad Firdaus Che Mohd. Adnan, 27, berkata, dia mula berjajak-jinak menternak ikan keli, tilapia dan patin di dalam kolam diperbuat daripada kanvas dan simen di belakang rumahnya sejak awal tahun ini.

Menurutnya, sebelum ini dia melanjutkan pengajian dalam bidang perniagaan makanan dan minuman sebelum membuat keputusan menternak ikan.

"Saya memilih menceburi bidang ternakan ikan air tawar kerana ia senang diusahakan dan mudah untuk dipasarkan. Saya memperoleh kemahiran menternak ikan dengan mengikuti kursus pembenihan ikan.

"Bagi modal permulaan, saya menjual motosikal dan syukur usaha itu berjalan lancar," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Mohamad Firdaus memberitahu, sebagai permulaan, se-



**MOHAMAD FIRDAUS** menunjukkan benih ikan keli yang ditemak di belakang rumahnya di Kedai Mulong, Kota Bharu.

banyak 5,000 benih ikan keli, 1,000 tilapia dan 2,000 ekor ikan patin diternaknya untuk dipasarkan di sekitar Kelantan.

Pengorbanan pemuda itu

ternyata berbaloi apabila dia berjaya memperoleh pendapatan memberangsangkan mencecah RM5,000 sebulan.

Tambah Mohamad Firdaus,

dia memasarkan produk terkanikannya melalui akaun media sosial seperti TikTok dan sambutan yang diterima amat menggalakkan.

"Saya bersyukur kerana isteri iaitu Nursyuhada Loffi yang kini sarat mengandung begitu menyokong usaha ini dalam mencari rezeki untuk keluarga," katanya.